

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ**

**(PASIR MAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.05.2015**

**Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ PASIR  
MAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil  
bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan sederhana dan  
rendah yang merasai beban pelaksanaan sistem pencukaian GST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Semasa pembentangan Bajet 2015 yang lalu, Kerajaan telah bersetuju  
untuk meluaskan skop barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan  
GST bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah. Antara

penambahannya adalah:

- Semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
- Roti putih dan roti wholemeal;
- Serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko;
- Mi kuning, kue tiau, laksa dan bihun;
- Ubat-ubatan Penting Nasional yang meliputi 4,215 jenama ubat. Ubat-ubatan ini adalah bagi kegunaan rawatan untuk 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi kanser dan rawatan kesuburan;
- Semua bahan bacaan kecuali majalah dan buku yang bukan bahan bacaan; dan
- Surat khabar.

Selain itu, Kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama yang memberi manfaat kepada 70 peratus isi rumah di seluruh negara. Jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga diberikan pelepasan daripada GST.

Di samping itu, bagi mengurangkan beban rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, Kerajaan telah mengumumkan pakej

bantuan yang berikut:

- Bantuan tunai RM300 kepada penerima BR1M yang mana ianya boleh menampung tambahan bebanan cukai kesan pelaksanaan GST; dan
- Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu hingga tiga mata peratusan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2015.